

## Analisis Pembolehubah Terpilih Pendidikan Tahfiz Akademik Merentas Kurikulum Standard Sekolah Menengah (An Analysis of Selected Variables in Academic Tahfiz Education Across the Standard Secondary School Curriculum)

MOHD. SAHANDRI GANI HAMZAH\*, IDRIS JUSOH, WAN ZAKRI WAN QAMARUDDIN, ABDUL HALIM SULONG, SAKINAH SALLEH & NORAZILAWATI ABDULLAH

### ABSTRACT

*Interaction Survey Method of the study which involving group of students and teachers. The instrument for students was used to collect quantitative data. The Likert scale items were grouped according to 9 identified constructs or variables. A total of 5 research objectives were determined. The data analysis process used multiple regression statistics with the stepwise method. The reliability of the items ranged from 0.755 to 0.786 Cronbach's alpha if items were deleted. The study's findings showed that good "Hafazan" or memorization mastery recorded a mean score of 4.10 (SD=0.81). The aspects of Arabic language translation and writing standards were at a moderate level, with mean scores of 3.23; SD=0.96: SD=0.89), respectively. Meanwhile, the aspect of communication in Arabic showed a weak ability with a mean score of 2.65 (SD=1.0). The study's findings indicated that Arabic language was the highest contributor, with 15.10 percent towards "Hafazan" or memorization mastery, and personal quality of students also contributed 6.90 percent. For the Academic Proficiency variable, the personal quality attribute emerged as the highest contributor at 8.70 percent compared to the catalyst variable at 4.20 percent. Comparatively, the personal quality variable played a dominant role in contributing to both "Hafazan" Proficiency and Academic Achievement. Therefore, when variables were regressed on 7 independent variables, it showed that 4 variables, namely co-curricular, blessings, curriculum, and Arabic language, contributed 14.80 percent, 8.30 percent, 6.30 percent, and 3.70 percent, respectively. Hence, the Personal Quality of students is a primary predictor determining the success of "Hafazan" Proficiency and Academic Achievement. The significant factors or variables contributing to Personal Quality are Co-curricular, Blessings, Curriculum, and Arabic language, ranging between 3.70 – 14.80 percent. Thus, the Personal Quality factor of students needs to be nurtured and developed psychologically by all teachers in the Academic Tahfiz teaching process in all schools.*

**Keywords:** Analysis, Selected Variables, Hafazan Proficiency, Academic Achievement, Personal Quality, Curriculum, Co-curricular, Blessing, Arabic language, "Hafazan" or memorization mastery, Academic Tahfiz.

### ABSTRAK

*Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan interaksi yang melibatkan sekumpulan pelajar dan guru. Instrumen bagi pelajar digunakan untuk mengumpul data kuantitatif, manakala item skala Likert dikelompokkan mengikut sembilan konstruk atau pemboleh ubah yang dikenal pasti. Sebanyak lima objektif kajian telah ditentukan. Proses analisis data menggunakan statistik regresi berganda dengan kaedah stepwise. Kebolehpercayaan item berada dalam julat 0.755 hingga 0.786 berdasarkan nilai Cronbach's alpha jika item disingkirkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan "Hafazan" atau kemahiran menghafaz berada pada tahap baik dengan skor min = 4.10 (SP = 0.81). Aspek terjemahan bahasa Arab dan tulisan bahasa Arab masing-masing berada pada tahap sederhana iaitu skor min = 3.23 (SP = 0.96) dan skor min = 3.23 (SP = 0.89). Sementara itu, aspek komunikasi dalam bahasa Arab menunjukkan keupayaan yang lemah Dimana skoe min = 2.65 (SP = 1.0). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa bahasa Arab merupakan penyumbang tertinggi terhadap penguasaan "Hafazan" dengan sumbangan sebanyak 15.10 peratus, manakala kualiti peribadi pelajar menyumbang sebanyak 6.90 peratus. Bagi pemboleh ubah Kecekapan Akademik, atribut kualiti peribadi muncul sebagai penyumbang tertinggi dengan 8.70 peratus, berbanding pemboleh ubah pemangkin yang menyumbang sebanyak 4.20 peratus. Secara perbandingan, pemboleh ubah kualiti peribadi memainkan peranan dominan dalam menyumbang kepada kedua-dua penguasaan Hafazan dan pencapaian akademik. Apabila pemboleh ubah regresi dijalankan ke atas tujuh pemboleh ubah bebas, empat daripadanya iaitu kokurikulum (14.80%), keberkatan (8.30%), kurikulum (6.30%), dan bahasa Arab (3.70%) didapati menyumbang secara signifikan. Oleh itu, Kualiti Peribadi pelajar merupakan peramal utama kejayaan dalam penguasaan Hafazan dan Pencapaian Akademik. Faktor atau pemboleh ubah yang signifikan menyumbang kepada Kualiti Peribadi ialah Kokurikulum, Keberkatan, Kurikulum, dan Bahasa Arab, dengan julat sumbangan antara 3.70 hingga 14.80 peratus. Justeru, faktor Kualiti*

*Peribadi pelajar perlu dipupuk dan dibangunkan secara psikologi oleh semua guru dalam proses pengajaran Akademik Tahfiz di semua sekolah.*

*Kata kunci: Analisis Pemboleh Ubah Terpilih, Kecekapan Hafazan, Pencapaian Akademik, Kualiti Peribadi, Kurikulum, Kokurikulum, Keberkatan, Bahasa Arab, Penguasaan Hafazan, Akademik Tahfiz*

## PENGENALAN

Selepas kemerdekaan, kerajaan Malaysia mula mengintegrasikan pendidikan Islam ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) dan sekolah-sekolah Agama Negeri (SAN) mula ditubuhkan dan diiktiraf oleh kerajaan. Jarak masa antara tahun 1980-an hingga 1990-an, kerajaan mula menubuhkan Sekolah Menengah Agama (SMA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang menawarkan kurikulum agama dan akademik. Program tahfiz secara formal mula diperkenalkan di beberapa sekolah ini. Pada tahun 1999 konsep dan program Tahfiz Ulul Albab diperkenalkan dengan merujuk kepada pendidikan yang mengintegrasikan ilmu naqli (agama) dan ilmu aqli (akademik).

Program Tahfiz Ulul Albab mula diperkenalkan di sekolah-sekolah terpilih, seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Pada tahun 2010 MRSM Ulul Albab pertama ditubuhkan di Kota Putra, Terengganu, diikuti dengan MRSM Ulul Albab di Gemencheh, Negeri Sembilan, dan Kepala Batas, Pulau Pinang. Program ini menekankan hafazan Al-Quran serta kurikulum akademik secara konstruktif.

Pertumbuhan sekolah Tahfiz Swasta pula bermula pada tahun 2010. Wujudnya peningkatan kesedaran dan permintaan terhadap pendidikan tahfiz yang bersepadu dengan akademik menyebabkan pertumbuhan pesat sekolah-sekolah Tahfiz Swasta yang menawarkan kurikulum akademik dan hafazan. Institusi seperti Maahad Tahfiz Sains dan Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Baqiyatussolihat menjadi popular dalam kalangan ibu bapa.

Pada tahun 2017 pengiktirafan dan sokongan kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mula memberi lebih banyak sokongan dan pengiktirafan kepada sekolah tahfiz. Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan al-Qiraat serta program tahfiz di institusi pengajian tinggi Islam turut diperkenalkan.

Pendidikan Tahfiz Ulul Albab akademik di Malaysia adalah satu program pendidikan yang menggabungkan antara Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Program ini bertujuan melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan Al-Quran tetapi juga cemerlang dalam bidang akademik. Komponen utama KBT mencakupi hafazan Al-Quran harian dimana murid akan menghafal

ayat-ayat Al-Quran pada setiap hari. Mereka biasanya mempunyai jadual tetap untuk menghafal dan mengulangkaji ayat-ayat yang telah dihafal. Sehubungan ini murid-murid mengulangkaji hafazan (muraja'ah) secara berkala untuk memastikan hafazan yang dikuasai lancar dan bertahan dalam jangka masa yang panjang. Selain daripada hafazan, Pendidikan Agama iaitu tafsiran Al-Quran iaitu Bahasa Arab, mempelajari hadis-hadis Rasulullah SAW, hukum-hukum Fikh yang berkaitan ibadah dan kehidupan seharian, pengajian konsep ketuhanan (Tauhid), kajian Sejarah Rasulullah SAW (Siraj) dan Pendidikan etika dan moral (Akhlaq).

Pendidikan akademik masa kini menggunakan KSSM yang mengandungi semua mata pelajaran yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik (termasuk Matematik Tambahan), Sains (termasuk Sains Tulin), Sejarah, Geografi, Perdangangan, Perakaunan, Bahasa Asing, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan lain-lain.

Aktiviti kokurikulum adalah dimestikan kepada semua murid yang mencakupi sukan dan permainan, kelab dan berpesatuan serta kemasyarakatan termasuk khidmat masyarakat. Penggunaan teknologi samada e-pembelajaran sebagai medium dan aplikasi serta perisian yang secara langsung membantu hafazan dan akademik. Keseluruhan teoritikal dan amalan dirumuskan pada Rajah 1.

### Pengetahuan Ekonomi Sains & Teknologi Budaya Tadbirurus



### Mencipta Semula Zaman Kegemilangan Islam ANDALUSIA 2.0

RAJAH 1: Gagasan Andalusia 2.0

Gagasan Andalusia 2.0 (Wan Ahmad Zakri, 2024) pada Rajah 1 didasarkan belum tercapai, namun begitu proses pembelajaran peringkat menengah telah menguasai

pengetahuan yang seimbang dari perspektif sains dan teknologi dan budaya serta nilai yang tinggi didokong dengan kualiti tadbirurus yang cemerlang.

Murid sekolah Tahfiz Akademik yang berjaya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mempunyai pelbagai peluang untuk melanjutkan pelajaran dan membina kerjaya. Berikut adalah beberapa pilihan yang boleh dipertimbangkan untuk melanjutkan Pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Universiti Awam dan Swasta dalam program Asasi dan Matrikulasi sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Bagi mereka yang memilih tingkatan enam, sebagai proses pengajian boleh diteruskan sehingga selesai menduduki Sijil Tinggi Persekolahan.

Di Malaysia, gagasan Andalusia 2.0 dalam proses pemantapan dengan melengkapkan kurikulum pembelajaran tahfiz prasekolah dan sekolah rendah. Penggubalan perancangan terhadap proses pembelajaran dalam usia murid seawal tiga hingga sembilan tahun (Thalatha Tis'a) dijangka selesai dan dapat dimulakan pada persekolahan sesi 2025. Begitu juga program dan kursus peringkat tertiar sedang giat diperluaskan dan ditambahkan bilangan universiti daripada 3 buah kepada 7 atau lebih universiti tempatan dengan bidang integrasi disiplin ilmu seperti yang pernah berlaku pada zaman kegemilangan Islam pada 1,400 sebelum Masehi. Usaha dan kerjasama dengan universiti luar negara juga sedang dijalankan.

### SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada dua jenis sekolah menengah agama Kerajaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya (SMAPUTRA) dan sekolah menengah agama swasta (Sekolah Menengah Agama Tahfiz Pahang). Skop dan aspek yang dikaji adalah Penguasaan Hafazan, Pencapaian Akademik, dan karekter Kualiti Peribadi murid-murid secara menyeluruh.

### PERNYATAAN MASALAH

Proses hafazan Al-Quran merupakan satu aktiviti pembelajaran yang kompleks dan memerlukan suatu enviromen yang kondusif dan kualiti masa yang mencukupi bagi setiap murid dengan kebolehan yang berbeza-beza. Bermula usia 13 tahun pada permulaan tingkatan satu sekolah menengah, murid-murid mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi menguasai hafazan Al-Quran. Walau bagaimanapun setiap sekolah Tahfiz Akademik menetapkan objektif yang jelas. Setiap murid dimestikan menguasai dan selesai menghafaz 30 juzuk Al-Quran sebelum menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Pelajaran Malaysia pada tahun semasa. Dalam usia belasan

tahun terdapat murid-murid yang menguasai dengan baik hafazan tetapi penguasaan juzuk yang tidak sama. Disamping itu tidak ketinggalan ada pula yang menguasai bacaan tetapi belum menguasai hafazan. Pada amnya dipermulaan tahap penguasaan hafazan yang berbeza pihak sekolah memerlukan cara dan pendekatan yang kreatif mengasuh, mendidik dan membentuk personaliti hafazan serta mengimbangi dengan mata pelajaran akademik yang lain. Sebahagian pernyataan ini pernah diketengahkan oleh Arniyuzie (2015).

Berdasarkan peruntukan hari persekolahan sebanyak 190 hari (Akta Pendidikan 1996) dalam masa satu tahun kalendar akademik, ini bermakna murid akan mengakhiri empat tahun pengajian iaitu di tingkatan empat murid hanya mempunyai masa belajar secara formal selama 760 hari. Jumlah hari ini termasuk semua aktiviti seperti ujian, peperiksaan, sukan dan ko kurikulum yang lain. Di dua buah sekolah Tahfiz Akademik Sains menawarkan mata pelajar yang paling banyak iaitu antara 12 hingga 14 mata pelajaran untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah aliran Sains Kementerian Pendidikan yang lain yang tidak menawarkan hafazan adalah antara 9 hingga 12 mata pelajaran. Analisis jadual waktu yang dilakukan ke atas sekolah-sekolah Tahfiz Akademik Sains ini, proses pembelajaran murid pada setiap hari adalah selama 7 jam sehari bermula daripada pukul 7.30 pagi dan berakhir 4.30 petang berbanding dengan sekolah KPM yang lain mereka pulang 2 atau 3 jam lebih awal. Sepanjang waktu ini diperuntukan 2 jam rehat secara berperingkat (9.30 – 10 pagi dan 1.00 – 2.30 petang). Ini bermakna secara formalnya setiap hari murid berada di sekolah selama 7 jam. Berbanding dengan sekolah akademik tanpa hafazan yang waktu pembelajaran formal adalah 5 jam. Peruntukan masa sejumlah 2 jam di sekolah Tahfiz Akademik ini adalah proses tasmik di waktu pertama dan kedua sesi pembelajaran. Pengaruh masa pembelajaran yang lebih panjang ini pernah dilaporkan oleh KPM (2019).

Kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah Tahfiz Akademik tidak banyak perbezaan dengan sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pendidikan dari segi peruntukan masa. Aktiviti berpesatuan, berpakaian seragam, sukan dan permainan diwajibkan bagi semua murid. Namun begitu kebanyakan murid tahfiz memerlukan aktiviti kokurikulum tambahan lain seperti berkuda, memanah dan berenang. Kesemua aktiviti membawa merit kepada murid selepas tamat persekolahan dan seterusnya membawa perkiraan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar. Sesetengah golongan berpandangan aktiviti kokurikulum ini yang tidak dikurangkan membebaskan murid Tahfiz Akademik (Muhammad Syukri, Norlidah Alias, Zulkifly Yusof dan Nazean Jomhari, 2022).

## OBJEKTIF KAJIAN

Pada amnya matlamat kajian ini meneroka Kualiti Peribadi dan daya tahan sendiri murid-murid Tahfiz Akademik Sains dalam mencipta kejayaan secara bersepadu iaitu Al Quran dan akademik dan pekerti yang baik dalam sistem persekolahan. Sehubungan itu, sejumlah lima objektif kajian ditetapkan iaitu:

- i. Menentukan status kesediaan dan penguasaan murid-murid menghafaz Al-Quran.
- ii. Mengenalpasti pembolehubah terpilih yang mempunyai korelasi dan sumbangan terhadap Penguasaan Hafazan
- iii. Mengenalpasti pembolehubah terpilih yang mempunyai korelasi dan sumbangan terhadap Pencapaian Akademik.
- iv. Mengenalpasti peramal dominan dalam Penguasaan Hafazan dan Pencapaian Akademik.
- v. Mencerakinkan kesan peramal dominan dalam proses pembelajaran dan hafazan Al-Quran.

## KESIGNIFIKAN KAJIAN

Dapatan kajian merupakan kepentingan yang signifikan bagi menjawab kelima-lima objektif kajian secara empirikal dengan menggunakan analisis statistik kebolepercayaan yang tinggi dan konsisten.

## KAJIAN LITERATUR

Merujuk kepada kepadatan waktu belajar murid Tahfiz Akademik, melalui pemerhatian penyelidik bersama tenaga hafazan serta kajian IEDP (2021) didapati banyak hari-hari termasuk cuti penggal persekolahan pihak pengurusan sekolah merancang dan mengadakan kelas-kelas Hafazan tambahan sama ada di luar dan dalam sekolah dengan kelas hafazan berbayar sehingga menggunakan 80 peratus daripada cuti hujung minggu dan cuti penggal digunakan untuk memenuhi keperluan murid menghafal surah agar tidak tertinggal jauh daripada perancangan awal agar murid-murid dapat menamatkan hafazan sebanyak 30 juzuk. Pendekatan ini penting bagi menyiapkan diri murid sebelum melangkah ke tingkatan lima bagi memastikan mereka cukup masa dan bersedia dengan Pencapaian Akademik sebelum menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Perancangan masa dan strategi ini selaras dengan satu cadangan penambahbaikan program Hafazan yang disarankan oleh Yusof (2020).

Sebagai seorang murid yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, mereka secara kreatif dan konstruktif tidak mengabaikan 12 hingga 14

mata pelajaran akademik secara konsisten. Namun begitu kajian ilmiah Ibrahim dan Syed Abidin (2021) mendapati murid-murid hafazan Al-Quran di dada mereka lebih terang hati semasa belajar dan dapat menguasai kebanyakan subjek akademik yang lain dengan cepat dan baik. Sehubungan itu, kajian IPIN (2020) juga banyak membincang perkara yang sama.

Kajian Nurul Huda dan Noor Syahidah (2023) mendapati kekurangan infrastruktur dan kemudahan ruang serta tempat beriadah di sekolah-sekolah yang menawarkan hafazan Al-Quran dan lain-lain menjejaskan proses pembelajaran seperti keterbasan ruang menampung keberadaan murid dalam satu-satu masa. Di samping itu adakalanya ada gangguan seperti suasana bising yang secara langsung merencat proses penghafazan Al-Quran yang memerlukan ketenangan dan fokus tinggi.

Dalam kebanyakan keadaan bangunan sekolah yang tidak terawat atau rosak dapat menimbulkan risiko keselamatan bagi murid dan guru, serta mengganggu konsentrasi belajar. Satu perkara yang sama dan sering dikesan adalah kelas yang tidak nyaman, seperti kurangnya pencahayaan atau ventilasi yang buruk serta dapat menurunkan produktiviti dan konsentrasi murid-murid. Sehubungan itu dengan ketidaklengkapan alat bantu dan teknologi komputer (smart board) termasuk mushaf Al-Quran, papan tulis, dan alat bantu pembelajaran lain menyulitkan guru dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran secara efektif. Isu yang sama pernah dilaporkan dalam seminar dan penulisan ilmiah oleh Pusat Penyelidikan Pendidikan Islam Universiti Sains Malaysia (2016). Kekurangan ruang atau fasiliti untuk beribadah seperti musalla atau mesjid dapat mempengaruhi keseimbangan spiritual murid atau pelajar. Aktiviti beribadah yang terganggu dapat mempengaruhi mental dan emosional murid-murid. Selain itu satu perkara yang sering menjadi perbualan guru dan murid adalah persekitaran sekolah yang kurang bersih dapat meningkatkan risiko penyakit, yang memberi kesan negatif pada kehadiran murid dan guru (Abdul Ghafor, (2003).

Rekabentuk konseptual susunatur pembolehubah yang terpilih dalam kebanyakan kajian mempunyai perkaitan pembolehubah dependen Pencapaian Akademik dengan beberapa pembolehubah independen yang lain. Kekuatan perkaitan dan peratus penyumbang dengan nilai  $R^2$  berubah yang dihasilkan oleh analisis regresi berganda. Keadaan ini dijelaskan melalui teori Pencapaian Akademik dan dalam masa yang sama bergantung kepada Teori Kendiri (Deci dan Ryan, 1985); Teori Motivasi iaitu Motivasi-Daya Usaha (Eccles & Wigfield, 2002). Disamping itu Penguasaan Hafazan secara langsung banyak bergantung kepada Teori Tikrar dalam Ibn al-Jazri (1983); Teori Pembelajaran Neurologi (Hebb, 1949). Berdasarkan kepada teori-teori ini pengkaji, menetapkan pembolehubah

terpilih yang kerap atau berulang kali berperanan menyumbang secara signifikan dalam analisis regresi berganda terhadap Penguasaan Hafazan dan Pencapaian Akademik akan menjadi penentu “Pembolehubah Dominan” atau peramal dominan.

Pada keseluruhannya hasil kajian Aisyah (2024) melalui temubual terhadap pengajar dan pelajar di pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Gambang murid-murid yang melalui Pendidikan Tahfiz Akademik mempamerkan kecemerlangan holistik iaitu dengan pegangan agama yang kuat, istihadik, kepelbagaian disiplin ilmu dengan keperibadian yang baik tetapi juga menyediakan model pendidikan yang relevan dengan keperluan masa kini dan hadapan.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan “Interaction Survey Method” (Mohd. Sahandri, Ramlee, Mohd Taufik et.al, 2013) atau Kaedah Tinjauan Interaksi dilakukan secara bersemuka bersama murid dan guru dalam kumpulan yang berbeza di dua buah sekolah iaitu Sekolah Maahad Tahfiz Negeri Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Putrajaya (SMAPUTRA).

Keseluruhan rekabentuk konseptual pembolehubah peramal kajian dengan mengambilkira kesemua pembolehubah terpilih yang kerap atau berulang kali berperanan sebagai penyumbang secara signifikan dalam analisis regresi berganda terhadap Penguasaan Hafazan dan Pencapaian Akademik

## PERSAMPELAN

Dua buah sekolah Tahfiz Akademik daripada kumpulan senarai 20 buah sekolah mencatat Gred Purata Sekolah (GPS) terbaik SPM 2023. Kaedah undian secara rawak mengikut lambungan dadu mencatat nama sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) KPM (SMAPUTRA Putrajaya) dan Tahfiz Akademik Swasta (Sekolah Maahad Tahfiz Negeri Pahang).

Semua murid tingkatan empat dijadikan responden kajian. Justifikasinya pemilihan sampel murid tingkatan empat kerana mempunyai varians yang menepati kriteria Penguasaan Hafazan. Dalam ertikata lain kumpulan ini adalah kombinasi 40:60 penguasaan penuh menghafal AlQuran. Perangkaan ini memberi makna sejumlah 40 peratus murid dalam kumpulan ini belum khatam 30 juzuk Al Quran. Justeru, jumlah kesemua responden yang terpilih adalah seramai 113 orang.

## INSTUMEN

Instumen khusus yang baru dibina oleh kumpulan pengkaji digunakan. Pembinaan ini berdasarkan prosedur Jadual

Penentuan Instrumen (JPI) yang terdiri daripada 9 konstruk dan mengandungi 42 item. Seramai tiga orang pakar validasi terlibat dalam mengesahkan status kesahan item mengikut Skala Likert 5 Markat.

## MODUS OPERANDI

Algorithme kajian bermula dengan melibatkan pemerhatian proses hafazan, temubual interaktif berkolompok bersama guru dan murid dalam dua kumpulan secara berasingan. Pemerhatian Penguasaan hafazan murid bermula daripada proses persediaan membaca, berkomunikasi dalam Bahasa Arab dan menghafaz sehingga hampir 30 juzuk Al-Quran. Begitu juga dengan aspek akademik keseluruhan proses pembelajaran dan aspek-aspek yang berkaitan mereka berkongsi pengalaman dengan memberi respons market skor yang sebenar mengikut pengalaman masing-masing. Selain dua pembolehubah bersanadar iaitu Pencapaian Akademik dan Penguasaan Hafazan, sebanyak tujuh pembolehubah yang dikenalpasti sebagai pembolehubah bebas (terpilih) dikenalpasti iaitu Kurikulum, Ko-kurikulum, Kualiti Peribadi, Bahasa Arab, Keberkatan, Pemangkin, dan Komunikasi. Dalam perbincangan temubual, guru-guru berkongsi dokumen dan rekod penguasaan hafazan dan akademik murid-murid sebagai rekod semakan.

Di akhir sesi pengaji bersama murid, instrumen kajian dibaca dan dijelaskan kesemua 42 item bagi memastikan satu penyelarasan kefahaman murid memberi respons tentang kesediaan keseluruhan proses pembelajaran hafazan dan akademik serta elemen yang berkaitan dalam suasana persekitaran sekolah. Sehubungan itu, instrument kajian yang lengkap diisi oleh murid diserahkan kepada kumpulan penyelidik untuk kerja-kerja memproses dan menganalisis data seterusnya menyediakan laporan.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis dan interpretasi data dilakukan selepas semua data disatukan dalam perisiann SPSS. Setiap item dibersihkan bagi memastikan semua data pembolehubah lengkap dikemasikni dan mengikut prosedur statistik. Data diproses berpandukan kepada lima objektif yang ditetapkan. Statistik deskriptif menghuraikan profil responden dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Manakala status dan implikasi Hafazan dilaporkan dalam perangkaan skor min dan sisihan piawai (SP).

Statistik inferansial, regresi berganda digunakan dan diinterpretasikan dalam unit B, Beta, t,  $R^2$  dan jumlah sumbangan. Data temubual berperanan sebagai semak dan imbang sebagai penjelasan pernyataan.

### KEBOLEHPERCAYAN INSTRUMEN DAN PROFIL MURID

Profil murid terdiri dengan kadar yang hampir sama iaitu 54 (47.8%) lelaki dan 59 (52.2%) perempuan. Berdasarkan tempat tinggal keluarga mereka, sejumlah 75 (66.4 %) murid berasal dari bandar, 21 (18.6 %) luar bandar dan selebihnya 17 (15 %) adalah pedalaman.

Status Penguasaan Hafazan murid menunjukkan sejumlah 94 (83.20%) murid berjaya menghafaz sebanyak 25-30 juzuk, selebihnya 19 murid menguasai sebanyak 19-24 Juzuk. Secara perbandingan status penguasaan terjemahan dalam Bahasa Arab dan implikasinya terhadap Keupayaan Berkomunikasi dan Standard Penulisan, perangkaan pada Jadual 1 yang dirumuskan.

JADUAL 1: Status dan Implikasi Hafazan

| Perkara dan perihai dalam Bahasa Arab | Skor Min | Sisihan Piawai (SP) | Status    |
|---------------------------------------|----------|---------------------|-----------|
| Kelancaran Hafazan                    | 4.10     | 0.81                | Baik      |
| Terjemahan                            | 3.23     | 0.96                | Sederhana |
| Keupayaan Berkomunikasi               | 2.65     | 1.00                | Lemah     |
| Standard Penulisan                    | 3.23     | 0.89                | Sederhana |

Perangkaan pada Jadual 1 menunjukkan status Kelancaran Hafazan murid berada tahap baik (skor min = 4.10, SP = 0.81) dari segi hukum tajwid dan kelancaran bacaan yang diuji melalui proses tasmik dan murajaah. Dari pemahaman makna perkataan atau Terjemahan perkataan dalam satu-satu sesi masa pembacaan mencatat tahap sederhana (skor min = 3.23; SP = 0.96). Skor min yang sama (skor min = 3.23; SP = 0.89) dicatatkan dalam Standard Penulisan yang menggunakan Bahasa Arab. Walau bagaimanapun dari segi Keupayaan Berkomunikasi dalam Bahasa Arab status penguasaan mereka masih di tahap lemah (skor min = 2.65; SP = 1.00). Justeru soalan yang menjurus kepada Objektif pertama (1) dapat dijelaskan secara statistik dengan pemeringkatan status mengikut klasifikasi yang ditetapkan.

### PENGUASAAN HAFAZAN

Hafazan merupakan proses pembelajaran rutin dan melibatkan penggunaan masa secara kreatif serta berulang kali menghafal dengan kesesuaian rentak murid-murid. Dalam ertikata lain hasil pembelajaran hafazan menampakkan keupayaan murid seperti minda photostat secara berterusan dan signifikan. Analisis regresi digunakan untuk melihat korelasi dan sumbangan oleh 7 Pembolehubah Terpilih adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 2 dan 2a.

JADUAL 2: Analisis Regresi Berganda (Stepwise) Korelasi dan Sumbangan Pembolehubah Terpilih Terhadap Penguasaan Hafazan

| Penguasaan Hafazan R <sup>2</sup> | B Sumbangan | Beta (β) | t     | Sig.P |
|-----------------------------------|-------------|----------|-------|-------|
| <0.05                             | (berubah)   | (> 0.05) | (%)   |       |
| X1. Bahasa Arab 0.151             | 0.300 15.10 | 0.287    | 3.174 | .002  |
| X2. Kualiti Peribadi 0.069        | 0.445 6.90  | 0.281    | 3.112 | .002  |
| 3 pembolehubah 0.055 – 0.176      |             |          |       |       |
| Konstan .046                      | 1.089       |          | 2.019 |       |
| Ralat piawai                      | 0.359       |          |       |       |

JADUAL 2a: Analisis Varians Satu Hala

|                                            | JKD    | DK  | MKD   | F      | Sig.p |
|--------------------------------------------|--------|-----|-------|--------|-------|
| Regresi                                    | 15.133 | 2   | 7.556 | 15.487 | 0.001 |
| Residual                                   | 53.774 | 110 | .489  |        |       |
| Jumlah                                     | 68.907 | 112 |       |        |       |
| Pembolehubah Bersandar: Penguasaan Hafazan |        |     |       |        |       |

Analisis regresi berganda (stepwise) pada Jadual 2 dan 2a (Analisis Varians) menunjukkan amalan menggunakan Bahasa Arab meyumbang sebanyak 15.10 peratus kepada Penguasaan Hafazan. Sumbangan ini ditunjukkan dalam bentuk menterjemah perkataan dan ayat Al-Quran ke dalam makna Bahasa Melayu. Disamping itu, mereka dapat bertutur dan menulis ayat Bahasa Arab yang mudah. Perangkaan menunjukkan keupayaan murid menguasai Bahasa Arab dan berperanan sebagai peramal utama ( $\beta = 0.287$ ,  $t = 3.174$ ) pada aras signifikan  $P = 0.001$ . Perangkaan ini memberi tafsiran apabila ditambah satu unit penggunaan Bahasa Arab, ianya mengakibatkan peningkatan skor Penguasaan Hafazan sebanyak 0.287 unit.

Peramal kedua adalah Kualiti Peribadi murid yang dipupuk dengan penuh disiplin, menyumbang sebanyak 6.90 peratus kepada Penguasaan Hafazan. Intipati dapatan ini dijelaskan oleh model regresi dengan nilai  $R^2$  diselaraskan. Perangkaan ini memberi makna, jika ditambahkan satu unit Kualiti Peribadi ( $\beta = 0.281$ ,  $t = 3.112$ ,  $\text{Sig.P} = 0.002$ ) secara langsung ianya akan meningkatkan sebanyak 0.281 unit Penguasaan Hafazan murid. Walau bagaimanapun pembolehubah lain seperti kecergasan dalam aktiviti Kokurikulum, status Keberkatan murid dalam kerja buat pembelajaran dan Pemangkin proses pembelajaran tidak menyumbang kepada Penguasaan Hafazan tetapi ianya mempunyai hubungan atau korelasi secara langsung dan tidak langsung. Secara statistik dapatan ini dapat dirumuskan dalam bentuk persamaan linear seperti berikut:

$$Y_{\text{Penguasaan Hafazan}} = \text{konstan} + BX_1 + BX_2 + \text{ralat piawai} \\ = 1.089 + 0.300_{\text{Bahasa Arab}} + 0.445_{\text{Kualiti Peribadi}} + 0.359$$

Justeru, Objektif ke 2 terjawab melalui persoalan yang berkaitan dimana, kuasa yang menerangkan model regresi berganda ( $R^2$ ) dengan menggunakan kaedah 'stepwise' dalam amalan Penguasaan Hafazan mempunyai korelasi, menyumbang dan memberi kesan yang signifikan terhadap penggunaan Bahasa Arab serta meningkatkan Kualiti Peribadi murid-murid. Justeru, walaupun pembolehubah Kokurikulum, Keberkatan dan Pemangkin tidak menyumbang terhadap Penguasaan Hafazan tetapi secara tidak langsung mempunyai korelasi dalam proses pembelajaran murid-murid.

### PENCAPAIAN AKADEMIK

Proses pembelajaran dengan menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang digunapakai di semua sekolah sebagai persediaan murid sebelum menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Semua ujian yang disediakan oleh pihak sekolah berpandukan taksonomi Bloom. Keseluruhan pengaruh dan suasana pembelajaran dan hasil ke atas proses pentaksiran murid dinamakan Pencapaian Akademik. Analisis regresi berganda digunakan untuk menentukan korelasi dan sumbangan secara bersepadu oleh tujuh Pembolehubah Terpilih yang dikenalpasti seperti ditunjukkan pada Jadual 3 dan 3a.

JADUAL 3: Analisis Regresi Berganda (Stepwise) Korelasi dan Sumbangan Pembolehubah Terpilih Terhadap Pencapaian Akademik

| Pencapaian Akademik<br>( $\beta$ ) t Sig.p<br>(berubah) (> 0.05) | B<br>R <sup>2</sup> | Beta<br>Kor. Separa<br>(%) | Sumbangan |       |
|------------------------------------------------------------------|---------------------|----------------------------|-----------|-------|
| X1. Kualiti Peribadi<br>.087                                     | 0.227<br>8.70       | 0.250                      | 2.742     | 0.007 |
| X2. Pemangkin<br>.042                                            | 0.229<br>4.20       | 0.211                      | 2.315     | 0.022 |
| 6 pembolehubah<br>0.062 – 0.135                                  |                     |                            |           |       |
| Konstan                                                          | 2.149               |                            | 4.438     | 0.001 |
| Ralat piawai 0.4                                                 |                     |                            |           |       |

JADUAL 3a: Analisis Varians Satu Hala

|                                            | JKD    | DK  | MKD   | F     | Sig.p |
|--------------------------------------------|--------|-----|-------|-------|-------|
| Regresi                                    | 2.949  | 2   | 1.474 | 8.194 | 0.001 |
| Residual                                   | 19.793 | 110 | 0.180 |       |       |
| Jumlah                                     | 22.742 | 112 |       |       |       |
| Pembolehubah Bersandar: Penguasaan Hafazan |        |     |       |       |       |

Perangkaan analisis regresi berganda (stepwise) dan Anova Satu Hala pada Jadual 3 dan 3a. menunjukkan pembolehubah Kualiti Peribadi murid menyumbang sebanyak 8.70 peratus terhadap Pencapaian Akademik mereka. Melalui temubual mereka menampakkan sifat dalaman dan luaran mereka lebih beretika, matang, santun dan lain-lain. Secara terperinci dapatan ini dapat dijelaskan oleh model regresi dengan nilai  $R^2$  yang diselaraskan. Perangkaan juga menunjukkan bahawa kemantapan Kualiti Peribadi murid berperanan sebagai peramal utama ( $\beta = 0.250$ ,  $t = 2.742$ , Sig.p = 0.001). Pernyataan ini memberi tafsiran apabila skor Kualiti Peribadi ditambah satu unit, maka ianya menyebabkan peningkatan Pencapaian Akademik sebanyak 0.250 unit.

Peramal kedua adalah pembolehubah Pemangkin atau pendorong ( $\beta = 0.211$ ,  $t = 2.315$ , Sig.P = 0.022) iaitu berlaku dimana, jika ditambahkan satu unit pembolehubah Pemangkin, maka secara langsung ianya akan meningkatkan Pencapaian Akademik sebanyak 0.211 unit. Pembolehubah Pemangkin merujuk kepada prasarana pembelajaran, bahan bantu elektronik dan juga gaya pengajaran mesra didik guru dan lain-lain. Disamping itu secara statistik Pencapaian Akademik mempunyai unsur-unsur korelasi (partial correlation) dengan pembolehubah Kurikulum, Kokurikulum, Keberkatan, Komunikasi, Bahasa Arab dan Penguasaan Hafazan. Walau bagaimanapun semua pembolehubah ini tidak menunjukkan sumbangan secara signifikan terhadap Pencapaian Akademik. Dapatan ini, analisis statistik secara langsung menjawab Objektif ke 3 melalui persoalan yang bebununyi "Adakah terdapat korelasi dan sumbangan oleh pembolehubah terpilih terhadap Pencapaian Akademik murid-murid?".

Sebagai rumusan satu persamaan kuadratik dibentuk seperti berikut:

$$Y_{\text{Pencapaian Akademik}} = \text{konstan} + BX_1 + BX_2 + \text{ralat piawai} \\ = 2.149 + 0.227_{\text{Kualiti Peribadi}} + 0.229_{\text{Pemangkin}} + 0.484$$

Berdasarkan kedua-dua persamaan kuadratik yang ditunjukkan melalui analisis regresi menunjukkan pengaruh pembolehubah Kualiti Peribadi murid merupakan peramal utama atau pembolehubah dominan secara langsung dan tidak langsung dapat dihasilkan dalam dua proses pembelajaran akademik dan hafazan. Lanjutan daripada kekuatan dan status dominan peramal ini, analisis regresi

berganda berikutnya dengan pembolehubah Kualiti Peribadi mengamnlbil tempat dan peranan sebagai pembolehubah dependen yang baharu. Keputusan analisis ini dicerakinkan dan ditunjukkan pada Jadual 4 dan 4a.

JADUAL 4: Analisis Regresi Bergandan Korelasi dan Sumbangan Pembolehubah Terpilih Terhadap Kualiti Peribadi

| Kualiti Peribadi<br>Sig.P      | R <sup>2</sup> | B<br>Separa R | Beta (β)<br>Sumbangan | t     |
|--------------------------------|----------------|---------------|-----------------------|-------|
| <0.05 (terubah) (> 0.05)       |                |               | (%)                   |       |
| X1. Kokurikulum<br>0.018 0.148 |                | 0.162         | 0.206<br>14.80        | 2.413 |
| X2. Keberkatan<br>0.003 0.085  |                | 0.209         | 0.254<br>8.50         | 3.046 |
| X3. Kurikulum<br>0.002 0.063   |                | 0.200         | 0.264<br>6.30         | 3.357 |
| X4. Bahasa Arab<br>0.015 0.037 |                | 0.139         | 0.210<br>3.70         | 2.461 |
| Lain-lain<br>Tiada             |                |               |                       |       |
| Konstan<br>.001                |                | 1.387         |                       | 3.828 |
| Ralat piawai                   | 0.362          |               |                       |       |

JADUAL 4a: Analisis Varians Satu Hala

|          | JKD    | DK  | MKD   | F      | Sig.p |
|----------|--------|-----|-------|--------|-------|
| Regresi  | 9.143  | 4   | 2.286 | 13.476 | 0.001 |
| Residual | 18.317 | 108 | .170  |        |       |
| Jumlah   | 27.460 | 112 |       |        |       |

Pembolehubah Bersandar: Penguasaan Hafazan

Keputusan analisis regresi berganda (stepwise) Kualiti Peribadi murid dalam proses pembelajaran akademik dan hafazan Al-Quran pada Jadual 4 dan 4a mendapati pembolehubah atau penglibatan murid dalam aktiviti Kokurikulum merupakan penyumbang terbanyak iaitu 14.80 peratus ke atas pembentukan Kualiti Peribadi murid. Pembolehubah peramal kedua tertinggi adalah elemen atau pembolehubah Keberkatan iaitu sebanyak 8.50 peratus. Seterusnya pembolehubah Kurikulum turut menyumbang sebanyak 6.30 peratus. Peramal keempat murid berkaitan dengan aplikasi berbahasa alQuran atau pembolehubah Bahasa Arab secara langsung menyumbang kepada Kualiti Peribadi sebanyak 3.70 peratus.


Berdasarkan perangkaan sumbangan yang ditunjukkan, ini memberi implikasi diimana, jika ditambahkan satu unit peramal utama iaitu aktiviti berperanan sebagai pembolehubah Kokurikulum ( $\beta = 0.206$ ,  $t = 2.413$ ,  $\text{Sig.P} = 0.018$ ), ia menyebabkan peningkatan sebanyak 0.206 unit Kualiti Peribadi murid. Dari aspek kerohanian pula, jika ditambahkan satu unit peramal Keberkatan ( $\beta = 0.254$ ,

$t = 3.385$ ,  $\text{sig.P} = 0.001$ ) secara teratur akan memberi kesan kepada peningkatan kepada Kualiti Peribadi murid sebanyak 0.254 unit. Peramal ketiga ialah pembolehubah Kurikulum ( $\beta = 0.264$ ,  $t = 3.357$ ,  $\text{Sig.P} = 0.003$ ), jika ditambah satu unit, ianya memberi impak kepada peningkatan kualiti peribadi sebanyak 0.264 unit. Pembolehubah ke empat dalam model ini adalah penekanan kepada pembolehubah berkaitan penggunaan Bahasa Arab, dimana jika ditmbahkan satu unit maka ianya akan meningkatkan Kualiti Peribadi murid sebanyak 0.210 unit.

Sebagai rumusan satu persamaan kuadratik dibentuk seperti berikut:

$$Y_{\text{Kualiti Peribadi}} = \text{konstan} + BX_1 + BX_2 + BX_3 + BX_4 \text{ ralat piawai} \\ = 1,387 + 0.162_{\text{Kokurikulum}} + 0.209_{\text{Keberkatan}} + 0.200_{\text{Kurikulum}} + 0.139_{\text{Bahasa Arab}} + 0.362$$

Ketiga-tiga dapatan analisis regresi pembolehubah Pendidikan Tahfiz secara merentas KSSM yang ditunjukkan di atas, dapat dirumuskan melalui satu pemetaan ringkas seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.



RAJAH 2: Model Integrasi Pendidikan Tahfiz Akademik Merentas KSSM

Model Integrasi Pendidikan Tahfiz Akademik Merentas KSSM yang ditunjukkan pada Rajah 2 berjaya menjawab persoalan dan Objektif nombor 5 yang berperanan sebagai peramal atau Pembolehubah Dominan. Dengan ini terbukti bahawa Kualiti Peribadi dipengaruhi rapat serta disumbangkan oleh pembolehubah Kokurikulum, Kurikulum, Keberkatan dan Bahasa Arab. Oleh itu kejayaan seseorang murid sangat bergantung dengan konsep sendiri mereka secara langsung dan tidak langsung bergantung kepada didikan guru dan asuhan ibu bapa serta pengaruh rakan sebaya.

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Keseluruhan murid semasa pemerhatian dan temubual dijalankan menunjukkan komitmen mereka yang tinggi sepanjang masa berada di sekolah. Mereka berdaya maju mengharungi iklim dan persekitaran semua proses pembelajaran, hafazan, kokurikulum dan kemasyarakatan secara prolifk dan konstruktif. Analisis data soalselidik mencatat tahap kesediaan yang tinggi dengan skor min = 3.99; SP = 0.050). Tahap kesediaan ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan. Sehubungan ini mereka cukup berdisiplin dengan mempamerkan “set minda” yang positif dan matang semasa berbudi bicara. Tatalaku sebegini pernah dilaporkan dalam laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dalam pemeriksaan sekolah Harapan Negara (2021).

Berdasarkan beberapa siri kajian oleh pihak KPM dan projek akademik pelajar pengajian tinggi, yang berkaitan dengan kurikulum akademik, kurikulum Ululabab dan proses hafazan dikenalpasti. Pengkaji mengenalpasti 10 pembolehubah yang menjadi elemen asas yang boleh diukur dan diuji dengan pengaruh atau hubungan dalam keseluruhan proses pembelajaran yang menggunakan kurikulum tahfiz merentas Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Analisis statistik inferensial regresi berganda (stepwise) yang mengcerakinkan hubungan dan menentukan sumbangan antara satu pembolehubah dependen dengan dua atau lebih pembolehubah independen. Huraian penuh pendekatan analisis ini dapat dirujuk kepada Bab 9, SPSS Made Simple (J. Hedderson & M. Fisher, 1993).

Sejumlah 113 responden terlibat dalam kajian ini. Ianya dipilih berdasarkan varians Penguasaan Hafazan dengan kadar murid adalah 1 lelaki : 1.09 perempuan. Kedua-dua pembolehubah dependen iaitu Penguasaan Hafazan dan Pencapaian Akademik menghasilkan persamaan kuadratik garis lurus yang masing-masing disumbang oleh dua pembolehubah independen. Bagi model regresi penguasaan hafazan, Bahasa Arab menyumbang sebanyak 15.10 peratus dan 6.90 peratus disumbang oleh kualiti peribadi berbanding dengan pembolehubah Pencapaian Akademik disumbang oleh kualiti peribadi sebanyak 8.70 peratus dan faktor pemangkin sebanyak 4.20 peratus. Justeru itu, dapatan ini telah menjawab objektif kedua kajian. Kekuatan yang terdapat pada kedua-dua model ini adalah faktor kualiti diri yang ditonjolkan membuktikan setiap murid yang berjaya dalam dunia pembelajaran bergantung kuat dengan kualiti peribadi masing-masing. Pembolehubah ini menyokong dapatan kajian Farhana dan Amir (2018) yang menyentuh lima trait personliti dan kaitannya dengan prestasi akademik.

Dalam kedua-dua model iaitu pertama Penguasaan Hafazan dan model kedua Pencapaian Akademik dan

berperanan sebagai pembolehubah dependen yang disandarkan oleh sembilan pembolehubah independen serta diregres serentak dengan menggunakan pendedekatan “step wise”. Kedua-dua model ini menunjukkan secara signifikan pada nilai  $P < 0.05$  melayakkan hanya 2 peramal bagi setiap model. Model pertama dirumuskan dalam satu persamaan kuadratik ,

$$Y_{\text{Penguasaan Hafazan}} = 1.089 + 0.300_{\text{Bahasa Arab}} + 0.445_{\text{Kualiti Peribadi}} + 0.359.$$

$$\text{konstan} = 1.089$$

$$\text{ralat piawai} = 0.389$$

Manakala model kedua dirumuskan dalam bentuk persamaan berikut:

$$Y_{\text{Pencapaian Akademik}} = 2.149 + 0.277_{\text{kualiti peribadi}} + 0.229_{\text{pemangkin}} + 0.484$$

$$\text{konstan} = 2.149$$

$$\text{ralat piawai} = 0.484$$

Persamaan yang ditunjukkan menterjemahkan korelasi antara pembolehubah mengikut dimensi dan menerangkan secara terperinci peramal dalam satu-satu model. Unit beta ( $\beta$ ) dapat dijadikan panduan untuk menambah dan meningkat “outcomes” yang penting dari segi perancangan terhadap keseluruhan proses pembelajaran melalui input yang dikenalpasti. Analisis regresi ini merupakan kaedah yang sama digunakan dalam kajian dasar menentukan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris seperti yang dijalankan oleh Pembina dalam tahun 2008.

Mengimbas kembali permasalahan yang ditempuhi dalam sistem pembelajaran Tahfiz Akademik di sekolah Kerajaan dan swasta, pihak pengurusan secara bijaksana mengkreaitifkan masa dan hari yang diperuntukan. Dengan mengubahsuai apacara sekali pun ruang, persekitaran dan guru-guru atau dilabelkan pemangkin secara prihatin dan menarik minat dan keyakinan murid untuk maju ke hadapan. Sistem pembelajaran Tahfiz secara merentas KSSM memperlihatkan murid lebih aktif, konstruktif dan berdaya maju dalam tiga aspek iaitu latihan hafazan, akademik dan penyertaan aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum. Intipati permasalahan ini dada dijelaskan dalam kajian Ahmad Ali (2024).

Penguasaan Hafazan dan Pencapaian Akademik dalam kalangan murid sekolah Tahfiz berasrama menghadapi kekangan bilik dengan kapasiti memuatkan 10 murid secara berkumpulan dan kemudahan pembelajaran untuk penghafalan. Disebaliknya permasalahan ini memamatkan mereka bertindak secara kreatif dan konstruktif. Mereka

secara bersama mengambil peluang menggunakan ruang dan sudut persekitaran yang terhad dengan tenang menyempurnakan proses hafazan. Budaya dan gaya pembelajaran juga menjadi amalan harian apabila mentelaah proses pembelajaran akademik. Implikasinya pengalaman yang sedikit sukar dan mencabar ini mereka aktif melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum serta tiada perbezaan antara murid lelaki dan perempuan. Mereka tidak rasa tertekan (tension) dengan penggunaan masa yang terhad. Malahan setiap hari mereka juga memperlihatkan semangat belajar yang tinggi, bergaul mesra dengan rakan. Keseluruhan pergerakan mereka di sekolah selalu mendapat pujian daripada guru serta menunjukkan kematangan luar biasa berinteraksi baik dengan orang luar. Karakter ini secara implisitnya adalah sumbangan keberkatan yang dianugerah dan dibuktikan sebagai peramal kepada semangat juang mereka menguasai hafazan dan rekod akademik yang baik. Selain daripada hafazan mereka juga boleh berkomunikasi Bahasa Arab mudah. Penguasaan luar biasa ini pernah dibincangkan oleh Kumpulan penyelidik Universiti Malaya (2022). Pernyataan ringkas ini secara langsung memperlihatkan unsur-unsur keberakatan dan berperanan secara tersembunyi dan mempamerkan kematangan bersosial, emosi dan bertindak. Secara amnya gaya berfikir dan bertindak murid-murid yang mengikuti Pendidikan Tahfiz Akademik secara merentas kurikulum hampir sama dengan Model Berfikir dalam kalangan Guru Cemerlang yang dikaji oleh Mohd. Sahandri, Hapidah dan Mohammad Ghorbani (2008).

## KESIMPULAN

Pengurusan sekolah Tahfiz Akademik dengan kerjasama yang baik dengan guru-guru yang komited dan banyak melakukan amal jariah dalam mendidik murid-murid menjadi faktor kepada kejayaan hafazan dan akademik murid. Murid-murid di sekolah ini menghabiskan masa yang panjang berbanding dengan murid sekolah akademik tulen. Mereka mengambil 2 hingga 4 subjek lebih dalam menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Walaupun dalam keadaan masa yang panjang, mereka mencapai kecemerlangan akademik standing dengan sekolah menengah Berasrama penuh dan MRSM dari segi Gred Purata Sekolah khususnya SPM 2023.

Di sebalik keputusan akademik murid-murid Sekolah-Tahfiz Akademik mempunyai kelebihan amat luar biasa, dimana mereka dapat menyempurnakan hafazan Al-Quran 30 juzuk di dada masing-masing. Tidak kurang juga penglibatan dalam kegiatan kokurikulum yang memperlihatkan Kualiti Peribadi sendiri secara eksplisit dan implisit. Dalam ertikata lain kemampuan murid yang lengkap dengan mujizat Al-Quran. Jika murid-murid diberi peluang

menerokai secara bersepadu dalam bidang sains, kejuruteraan, ekonomi, astronomi, perubatan dan lain-lain peringkat tertiar atau versi Andalusia 2.0 sebagaimana yang dibincangkan oleh Wan Ahmad Zakri (2024). Kesepaduan ilmu ini merupakan aset negara di masa hadapan secara kepemimpinan yang berwasiatiah.

Kejayaan murid sokolah Tahfiz Akademik telah terbukti dapat diperluaskan di lebih banyak sekolah-sekolah menggunakan model Integrasi Pendidikan Hafazan Merentas Kurikulum seperti yang ditunjukkan pada Gambarajah 1. Keseluruhan dapatan kajian ini yang bertajuk “Analisis Pembolehubah Terpilih Pendidikan Tahfiz Akademik Merentas Kurikulum” berjaya mencapai ke lima-lima Objektif melalui persoalan yang diketengahkan dengan menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensil secara konsisten, “reliable” dan signifikan. Mereka juga mencatat kecemerlangan SPM 2023 dalam kelompok 20 buah sekolah terbaik di Malaysia. Implikasi daripada kejayaan sistem Pendidikan Tahfiz Akademik bersepadu ini, pengkaji mencadangkan program hafazan ini dilaksanakan peringkat pra sekolah secara rintis ke atas kanak-kanak seawal 3 tahun dan dijangka berupaya dikhatamkan 30 juzuk ketika mereka berusia sembilan tahun. Adalah disarankan juga satu kajian secara terperinci dijalankan saintifik tentang fungsi otak kanak-kanak yang diibaratkan span iaitu dengan mudah menyerap segala dari sekeliling deria seperti yang pernah diketengahkan oleh Maria (1949). Pernyataan ini ada dibincangkan oleh Iman Muhammad dalam abad ke 9 iaitu sebaik sahaja kanak-kanak tamat tempoh susuan ibu pada usia 2 tahun, fungsi minda berkeupayaan dalam pembelajaran dan perkembangan mendengar, membaca dan mengingat serta menghafal dengan cekap dan efektif. Justeru kajian terhadap kanak-kanak peringkat ini penting bagi generasi masa hadapan menguasai kesepaduan kurikulum Tahfiz Akademik. Pendekatan sistem Pendidikan Tahfiz Akademik Merentas Kurikulum boleh diperkasakan dan sesuai dengan Malaysia sebagai hub Pendidikan Negara ASEAN serta mengmbalikan era kegemilangan Islam atau Golden Age of Islam pada satu ketika dahulu.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafor Hameed, A. 2003. *Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah*. Kolej Universiti Islam Malaysia, Selangor
- Ahmad Ali 2024. *Kesediaan Guru dan Kecekapan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar sebagai Pemangkinan dalam Meningkatkan Prestasi Murid*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Ahmad Zaki. 2018. *Effectiveness of Integrated Curriculum in Tahfiz Schools: A Case Study in Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Aisyah Abdullah .2024. Integrasi Pendidikan Tahfiz dan Akademik: Satu Kajian Kes. *Global Journal Al Taqafah*, Vol 14. No 2 (2024) pp60-72. Kuala Kangsar.
- Arnieyuzie Mohd. Arshad .2015. Ulasan Sistematis: Program Ulul Albab dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Kurikulum dan Pengajian Asia Pasifik*, Vol.3, Nombor 4 halaman 22 – 35.
- Eccles, J.S, Adler, T.F., T.F Futterman, R., Golf, S.B., Kaczala, C.M.,Meece, J.L., & Midgley, C. 1983. Expectances, values and academic behaviours, In J.T Spence (Ed). *Achievement and achievement motives: Psychology and sociology approaches* (pp. 75-146) San Francisco, CA: W. H. Freeman.
- Farhana Tahseen dan Amir Marzuki. 2018. Kajian hubungan antara Lima Faktor Besar Dengan Prestasi Akademik Pelajar Universiti di Malaysia. *International Journal of Educational Research*. Kuala Lumpur.
- Hebb, D.O .1949. *The Organization of Behaviour: A Neuropsychology Theory*. Wiley.
- Heddeson. J dan Fisher. M, .1993. *SPSS Made Simple*. Cetakan kedua Wadsworth Publication. <https://www.irujukan.my/ulul-albab-mrsm-sbp-tmua> (2024)
- Ibrahim Star, N.H. dan Syed Bidin, S.N .2021. Kesan bacaan alQuran ke atas fizikal, mental dan emosi manusia: Satu sorotan. *Kolej Quran dan Sunnah (KQT) Ejournal*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ibn al-Jazari .1983. *Tikrar. Al-Muqaddimah al-Jazariyyah fi 'Ilm al-Tajwid*. Dar Ibn Khatir, Beirut
- Imam Al- Ghazali, Abu Hamid .1983. *Ihya'Ulum al Din* vol. 1-4. Cairo: Dar al-Turath.
- Institut Pendidikan Islam Nasional (IPIN), .2019. *Infrastructure and Technological Barriers in Islamic Schools: Impacts on Teaching and Learning*.
- Islamic Education Development Foundation (IEDF), .2021. *Optimizing Learning Time in Tahfiz Academic Institutions: Strategies and Outcomes*. Kajian NGO Pendidikan Islam.
- Imam Muhammad Ibn Majah (Abad ke 9). *Hadith susunan Ibn Majahno 224, dalam Book of Sunnah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.2021. Akta Pendidikan 1996. Peraturan-peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998, Pindaan 2021.
- Kementerian Pendidikan Malaysia .2021. Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan tentang pemeriksaan penuh Sekolah Harapan Negara.
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tahfiz (KSSMT).2023. Kementerian Pendidikan Malaysia. Dokuman Rasmi KPM. Putrajaya.
- Maria Montessorri .1949. Kajian tentang perkembangan kanak-kanak mengenai konsep mind spongy, dalam buku bertajuk *The Absorbent Mind*. Montessori-Pierson Publishing Company.
- Mohd. Sahandri Gani Hamzah, Ramlee Ismail, Mohd Taufik Alias et.all .2013. *Kajian Keberhasilan Modal Insan Kolej Poly-Tech MARA*. Kajian usahasama Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan Kolej Poly-Tech Mara. Tanjong Malim
- Mohd. Sahandri Gani Hamzah, Hapidah Mohamed dan Mohammad Reza Ghorbani .2008. Excellent Teachers' Thinking Model: Implication for Effective Teaching. *Australian Journal of Teacher Education*. Vol 33, 4.
- Muhammad Sayuti, Norlidah Alias, Zulkifly Yusof dan Nazean Jomhari .2022. Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Terhadap Pelajar Pekak di Kolej Vokasional. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Edisi. 44, 2022.Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammaad Syukri, Mohammad Fahmi dan Khairul Azahar. 2022. Tahap Pencapaian Pelajar dalam Program Tahfiz UiTM. *Jurnal Pengajian Islam. Shah Alam*.
- Nurul Huda Muhammad dan Noor Syahidah Mohamad Akhir .2023. Keperibagaian Pengurusan, Potensi dan Cabaran Institusi Tahfiz Di Malaysia. *Asian People Journal*. DOI. 10.37231/apj 2023.6.1.354. Corpus ID264808810
- Pemuaafakan Badan Ilmiah Nasional (Pembina) .2008. *Tahap Kompetensi Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Menggunakan Bahasa Inggeris Serta Implikasinya Terhadap Pembangunan Modal Insan*. UPM, Serdang, Selangor.
- Sekolah Maahad Tahfiz Negeri Pahang .2024. *Persediaan Jadual Waktu Persekolahan sesi 2024*. Kuantan, Pahang.
- Ulama Tajwid Al-Jazari, Ibn .1998. *Al-Nashr fi al Qiraat al-‘Ashr* vol.1-2. Beirut. Dar al-Kutub al-‘Imiyyah.
- Wan Ahmad Zakri Qamaruddin .2024. Evolusi Pendidikan Ulul Albab Di Malaysia: Kerangka Pembangunan dan Implementasi ‘Model Segi Tiga Gagasan Andalusia 2.0. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*. UniSZA, Terengganu.
- Wigfield, A., & Eccles, J.S. 2002. *Development of achievement motivation*> Academic Press.
- Yusof, N .2020. Kaedah pintar murajaah al- Quran: Kajian di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia, Tamaddun.. *Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*. 21 (2): 219-230.Online. <http://dx.doi.org/10.30587/tamaddun.V21i2.2118>. Diakses pada 5 Disember 2024
- Mohd. Sahandri Gani Hamzah\*  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Idris Jusoh  
Wan Zakri Wan Qamaruddin,  
Abdul Halim Sulong,
- Sakinah Salleh  
Norazilawati Abdullah

\*Penulis Perhubungan: Sulaiman bin Musi

Dihantar: 18 Jun 2025

Dinilai: 27 Julai 2025

Diterima: 30 September 2025

Diterbitkan: 30 November 2025